

## **FAKTOR-FAKTOR KELEMAHAN PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN ISLAM DI MALAYSIA SERTA LANGKAH- LANGKAH MENGATASINYA**

**Muhammad Syahir Abu Bakar<sup>1</sup>, Wan Fariza Alyati Wan Zakaria<sup>2</sup>,  
Kamaruddin Salleh<sup>2</sup>**

### **Abstrak**

Pengurusan dan pentadbiran Islam di Malaysia telah wujud pada abad ke-13 Masihi lagi, cuma ia tidak sistematik dan maju seperti sekarang. Walaupun pengurusan dan pentadbiran Islam telah lama wujud, malangnya ia pula kurang dihayati dan diaplikasikan serta segala sistem pengurusan dan pentadbiran yang berasaskan Islam itu hanyal pada nama dan teori sahaja. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis beberapa faktor kelemahan terhadap pengurusan dan pentadbiran Islam yang mana ia perlu dikaji semula oleh semua masyarakat terutama oleh umat Islam itu sendiri bagi membangunkannya kembali. Metodologi analisis kandungan digunakan dalam kajian ini. Hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat beberapa langkah-langkah bagi mengatasi masalah kelemahan pengurusan dan pentadbiran Islam di Malaysia ini agar masyarakat dapat mempraktikkannya ke dalam kehidupan seharian demi kebaikan bersama.

**Kata Kunci:** *pengurusan dan pentadbiran Islam, Malaysia, faktor kelemahan, langkah mengatasi*

---

<sup>1</sup> Jabatan Usuluddin dan Falsafah Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. E-mail: syaz1984@yahoo.com.my

<sup>2</sup> Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. E-mail: aufaa@ukm.edu.my, dins@ukm.edu.my

## **FACTORS OF WEAKNESSES IN ISLAMIC MANAGEMENT AND ADMINISTRATION IN MALAYSIA AND STEPS TO OVERCOME**

### **Abstract**

Management and administration of Islam in Malaysia has existed in the 13th century AD, but it is not systematic and advanced as it is now. Although the management and administration of Islam has long existed, unfortunately it is less appreciated and applied, and all administration and management system that is based on Islam and it is only in the name of theories. This study aimed to analyze the factors of weakness in the management and administration of Islam in which it should be reviewed by all people, especially by Muslims themselves to rebuild it. Content analysis methodology used in this study. The results of this study found that there are a number of steps to overcome weaknesses in the management and administration of Islam in Malaysia so that people can practice it in everyday life for mutual benefits.

**Keywords:** management and administration of Islam, Malaysia, factors of weakness, steps to overcome

### **PENDAHULUAN**

Pengurusan dan pentadbiran Islam adalah satu aktiviti perancangan dan pergerakan oleh sesuatu organisasi berhubung dengan segala kaedah, peraturan, tanggungjawab dan tugas dalam sesuatu proses dan pengolahan sumber iaitu termasuk tenaga manusia, benda dan perkara supaya saling bekerjasama dan berfungsi dalam sesebuah organisasi dengan mengambil kira hubungan manusia dengan Allah SWT dan hubungan manusia dengan manusia iaitu melaksanakan tanggungjawab sepenuhnya sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi ini demi mendapat keredaan Allah SWT. Secara umum, pengurusan dan pentadbiran negara Malaysia adalah bertunjangkan kepada pengurusan dan pentadbiran Islam tetapi masih memiliki kelemahan dan kekurangan yang perlu diperbaiki demi manfaat bersama.

### **PERKEMBANGAN PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN ISLAM DI MALAYSIA**

Berdasarkan sejarah, sejak mula kedatangan Islam dan penerimaan masyarakat tempatan terhadap agama Islam secara meluas di Nusantara amnya dan di Tanah Melayu khasnya pada abad ke-13 Masihi yang mana telah mengubah banyak nilai kehidupan masyarakat tempatan terutamanya dari aspek akidah. Islam memainkan peranan yang penting merangkumi hampir semua kegiatan hidup termasuk keagamaan, akhlak, keilmuan, sosial, politik, pengurusan dan sebagainya.

Berdasarkan konsep dan ajaran Islam yang luas dan menyeluruh inilah menyebabkan sebuah negara Islam iaitu Malaysia berjaya ditubuhkan di rantau ini dengan kemunculan Melaka sebagai pusat pengajian dan penyebaran Islam pada awal abad ke-15 di gugusan Kepulauan Melayu dan turut tersebar di Sabah dan Sarawak (Malaysia Kita, 2014).

Pemerintahan pada era Kesultanan Melayu Melaka merupakan pengurusan dan pentadbiran Islam yang pertama di Malaysia dan boleh dikatakan sebagai empayar Islam di Asia Tenggara berdasarkan Hukum Kanun Melaka sebagai teras dan sumber perundangan Islam pertama di Tanah Melayu (Wan Nik & Asma' Husna, 2006). Secara umum, sistem organisasi pemerintahan pada era Kesultanan Melayu Melaka pada awalnya adalah bercorak feodal kerana rakyat dibahagikan kepada beberapa lapisan mengikut susun lapis yang tersendiri dalam bentuk piramid serta bagi hierarki golongan pemerintah pula, terdapat dua golongan iaitu golongan pemerintah atau bangsawan dan golongan yang diperintah (Malaysia Kita, 2014).

Manakala bagi perkembangan negara Malaysia pada zaman kini, ia juga dilihat berdasarkan sejarah negara Malaysia sejak dari zaman Kesultanan Melayu Melaka itu jelas terbukti apabila ia telah pun menjadi sebuah Empayar Islam selama hampir 300 tahun, kemudian dijajah selama 640 tahun sebelum mendapat kemerdekaan pada tahun 1957. Mana-mana negara Islam yang dijajah kemudian mencapai kemerdekaan, ia kekal sebagai negara Islam walaupun tidak sempurna pelaksanaan Islamnya. Malaysia adalah sebuah negara Islam berdasarkan dengan perlembagaannya iaitu kedudukan agama Islam sebagai agama persekutuan dan agama rasmi. Negara Malaysia mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen iaitu dibawah pemerintahan Raja Berperlembagaan yang bukan monarki. Ini bermakna jawatan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara digilirkan selama lima tahun dengan sembilan orang raja-raja Melayu yang terdapat di Malaysia (Malaysia Kita, 2014). Jawatan Yang di-Pertuan Agong ini telah diwujudkan pada 31 Ogos 1957 dan merupakan jawatan yang istimewa dan tidak ada di mana-mana negara lain di dunia ini. Ini kerana Malaysia merupakan satu-satunya negara yang mempunyai Ketua Negara yang digilir-gilirkan pemerintahan mereka setiap lima tahun sekali. Fungsi utama Yang di-Pertuan Agong adalah menjadi pemerintah tertinggi Angkatan Tentera, ketua agama Islam bagi negeri-negeri yang tidak bersultan dan juga negerinya sendiri. Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa memerintah negara dan kuasa ini boleh dijalankan sendiri oleh baginda ataupun kabinet Malaysia (Malaysia Kita, 2014). Manakala Parlimen Persekutuan pula terdiri daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan dua dewan iaitu Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Berdasarkan Perkara 3 (1) Perlembagaan Persekutuan yang telah memperuntukkan bahawa Islam adalah agama Persekutuan tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan. Ini menunjukkan bahawa perlembagaan negara telah menerima Islam sebagai agama rasmi negara dan sebagai *al-Din* iaitu satu cara

hidup dalam mengamalkan ajarannya (Perlembagaan dan Undang-Undang Am, 2014).

Agama Islam berkembang di Malaysia dengan hikmah untuk memajukan umat Islam, malah tidak memudaratkan yang bukan Islam. Contohnya, pada masa kini terdapat beberapa agensi kerajaan terlibat secara langsung dalam memelihara dan menjaga martabat agama Islam di negara Malaysia sama ada secara langsung atau tidak langsung seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Majlis Agama Islam, Yayasan Dakwah Islam Malaysia (YADIM), Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Tabung Haji, Pusat Zakat dan sebagainya. Ia bermula apabila satu badan secara rasmi ditubuhkan bagi menggubal dasar dan menyelaras pembangunan dan kemajuan hal ehwal Islam di Malaysia oleh Mesyuarat Majlis Raja-Raja yang mana telah bersetuju menubuhkan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) pada 17 Oktober 1968. Seterusnya Kerajaan menubuhkan Urusetia kepada MKI ini iaitu Bahagian Ugama di Jabatan Perdana Menteri kemudian ditukar nama kepada Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS) dan kini setelah dinaikkan taraf dikenali sebagai Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) berkuatkuasa pada 1 Januari 1997. Selain menjadi urusetia kepada MKI, JAKIM juga diberi mandat oleh kerajaan untuk menjadi Urusetia kepada badan-badan penyelaras membuat dasar mengenai hal ehwal agama Islam peringkat kebangsaan yang ditubuhkan kemudian, antaranya Jawatankuasa Kemajuan Hal Ehwal Islam, Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, Persidangan Pengerusi Hal Ehwal Islam Seluruh Malaysia, Persidangan Ketua Jabatan atau Majlis Agama Islam Negeri Seluruh Malaysia, Badan Perunding Islam dan banyak lagi (Azrin, 2014; JAKIM, 2012). Di samping itu, Lembaga Tabung Haji merupakan antara badan yang paling berpengaruh dan dominan bagi umat Islam di Malaysia. Ia bukan sahaja menjalankan urusan perbankan Islam secara sepenuhnya bahkan juga bertanggungjawab menguruskan hal ehwal jemaah haji dan umrah. Selain itu, badan-badan dakwah seperti PERKIM, YADIM, YAPEIM, bahagian dakwah dalam JAKIM dan semua badan dakwah yang lain juga menjalankan peranannya dalam memberi nasihat dan berdakwah bagi menyebarkan dan mengembangkan lagi syiar Islam. Kesungguhan kerajaan dalam membawa pembangunan dan kemajuan Islam di Malaysia amat terserlah memandangkan kebanyakan anggota badan-badan penyelaras dan penggubal dasar mengenai hal ehwal Islam itu terdiri daripada para Mufti, Menteri-Menteri Besar, Pengerusi dan Pengarah Jabatan atau Majlis Agama Islam Negeri-Negeri, pakar akademik dan para alim ulama serta tokoh-tokoh Islam cendekiawan Islam dari pelbagai disiplin ilmu.

Mengenai aspek perundangan Islam di Malaysia pula, ia telah digubal hingga ke hari ini dalam bentuk Enakmen dan Ordinan pada setiap negeri bagi mendapatkan kembali penguatkuasaan undang-undang, namun ia telah meletakkan kedudukan undang-undang Islam sama dengan bahagian undang-undang lain yang perlu diperkanunkan sepertimana yang diperjelaskan dalam Perlembagaan Negara yang didapati dalam Jadual Kesembilan, Senarai II - Senarai Negeri (Perlembagaan dan Undang-Undang Am, 2014). Ia dilihat apabila JAKIM telah

mengemukakan suatu cadangan supaya penyelarasan dan penyeragaman undang-undang Islam negeri-negeri dibuat melalui Mesyuarat Majlis Raja-Raja dan pada 1 Ogos 1997, Mesyuarat Majlis Raja-Raja Kali Ke-176 telah bersetuju atas cadangan tersebut. Ekoran persetujuan itu, JAKIM dengan kerjasama Jabatan Peguam Negara telah membuat kajian terperinci ke atas enam undang-undang utama negeri-negeri iaitu Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam, Undang-Undang Keluarga Islam, Undang-Undang Kesalahan Syariah, Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah, Undang-Undang Tatacara Jenayah Syariah dan Undang-Undang Tatacara Mahkamah Syariah. Kini cadangan rang undang-undang tersebut akan dibawa ke Mesyuarat Jemaah Menteri untuk kelulusan sebelum dikemukakan kepada Mesyuarat Majlis Raja-Raja. Selain itu, JAKIM juga telah mewujudkan satu Unit Khas berkenaan ajaran sesat bagi menangani gejala penyelewengan akidah menerusi ajaran-ajaran salah dan sesat. Penubuhan Panel Kajian Akidah di JAKIM yang dianggotai oleh pakar akademik dan tokoh Islam banyak membantu JAKIM menangani masalah ini. Jabatan atau Majlis Agama Islam Negeri-Negeri juga mewajibkan kepada mana-mana individu yang ingin mengajar atau berceramah berkenaan agama Islam mendapatkan Sijil Tauliah Mengajar Agama dari pihak Jabatan atau Majlis bagi mengawal sebarang anasir-anasir atau pengaruh ajaran sesat daripada merebak. Mengajar agama tanpa tauliah adalah satu kesalahan di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah.

Mengenai aspek ekonomi pula, bagi membuka jalan untuk penubuhan bank Islam di Malaysia, kerajaan telah Malaysia telah meluluskan Akta Bank Islam 1983 yang menggariskan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi oleh bank Islam dalam operasinya di Malaysia dan kuasa-kuasa Bank Negara Malaysia dalam menyelia dan mengawal bank Islam. Dalam tahun yang sama juga, kerajaan Malaysia telah meluluskan Akta Pelaburan Kerajaan 1983 yang memberi kuasa kepada kerajaan untuk mengeluarkan sijil pelaburan berdasarkan prinsip syariah. Bank berteraskan Islam pertama beroperasi di Malaysia ialah Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) pada 1 Mac 1983 yang menawarkan perkhidmatan sama seperti bank-bank konvensional cuma ia berdasarkan prinsip-prinsip syariah dan ini diikuti juga dengan penubuhan Bank Muamalat pada 1 Ogos 1999. Perkembangan institusi kewangan Islam yang sangat maju dan berdaya saing ini menjadi salah satu penyebab kebanyakan institusi kewangan konvensional pada hari ini turut menawarkan perkhidmatan dan produk berasaskan Islam seperti wujudnya CIMB Islamic Bank, Maybank Islamic, Hong Leong Islamic Bank dan lain-lain (Azrin, 2014). Pada tahun 1994, Bank Negara Malaysia telah melancarkan Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) di mana institusi kewangan yang dibenarkan dan digalakkan untuk menawarkan perkhidmatan berasaskan prinsip syariah serta pasaran wang antara bank secara Islam juga telah dilaksanakan. Tambahan pula, institusi lain yang membantu dalam bidang sosioekonomi juga telah berjaya ditubuhkan seperti Lembaga Tabung Haji pada tahun 1963, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) pada tahun 1976, Persatuan Pengguna Malaysia (PPIM) pada tahun 1997 dan lain-lain.

Bagi perkembangan aspek ilmu dan pendidikan pula, corak sistem pendidikan terdahulu adalah secara tidak formal atau rasmi dan ia wujud dan berkembang bersama-sama dengan perkembangan agama Islam di negeri-negeri Semenanjung Tanah Melayu dan Kepulauan Melayu (Azrin, 2014). Pada ketika itu, wujud institusi pendidikan yang dinamakan sebagai sekolah pondok yang mana dibangunkan dan dimajukan bersama oleh masyarakat setempat secara gotong-royong. Konsep sekolah pondok ini diperluas dan diperkembangkan pada abad ke 18 dan ke 19 khususnya di negeri Terengganu, Kelantan dan Kedah. Rentetan perkembangan ini, lahir ramai ilmuwan Islam di Semenanjung Tanah Melayu (Azrin, 2014). Setelah itu, arus pemodenan yang berlaku telah mengemudi sistem pendidikan di negara Malaysia ini ke arah yang lebih formal dan sistematik lalu menyebabkan banyak pusat pengajian Islam dan universiti-universiti ditubuhkan serta sekolah-sekolah agama kerajaan turut dibina (Azrin, 2014). Antara institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) yang berteraskan Islam itu ialah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Kolej Universiti INSANIAH (KUIN), Kolej Islam Antarabangsa INTI, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM), Kolej Pengajian Tinggi Islam Johor (MARSAH), Kolej Teknologi Islam Antarabangsa Melaka (KTIAM), Kolej Universiti Teknologi Islam (UNITI), Kolej Islam Darul Ridzuan (KISDAR) dan pelbagai lagi. Selain daripada penubuhan IPTA dan IPTS yang berteraskan Islam, universiti lain yang bukan berlatarkan Islam juga dilihat turut menawarkan pengajian berteraskan Islam menerusi fakulti dan jabatan pengajian Islam yang ditubuhkan seperti di Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam dan sebagainya. Sementara itu, perkembangan pendidikan agama Islam untuk pelajar sekolah di peringkat rendah mahupun menengah semakin meluas. Ini dilihat dengan penubuhan sekolah-sekolah agama pula adalah berasaskan jenisnya seperti sekolah menengah kebangsaan agama (SMKA), sekolah agama menengah tinggi (SAMT), sekolah menengah agama persekutuan (SMAP), sekolah menengah arab (SMA), sekolah rendah agama, sekolah pondok atau madrasah, sekolah tahfiz dan seumpamanya. Kerajaan juga menggalakkan pemahaman agama dalam membentuk peribadi rakyat umat Islam di negara Malaysia ini melalui program dakwah atau syarahan ilmu sebagai pemantapan rohani yang dijalankan secara sinergi dan kerjasama semua masyarakat untuk menjayakan seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), PERKIM, YAPEIM, YADIM, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), TV Al-Hijrah, Radio IKIM FM, al-Kuliyah TV3, Da'i Dakwah Milenia TV3, Imam Muda Astro, Tanyalah Ustaz TV9, Forum Perdana Ehwat Islam TV1 dan lain-lain lagi.

Mengenai aspek nilai dan etika, kerajaan Malaysia telah membangunkan dasar yang berkaitan dengan nilai dan pembudayaan profesionalisme dalam perkhidmatan awam negara Malaysia yang mana telah diusahakan dengan giatnya

sekitar tahun 1980-an iaitu selaras dengan tuntutan pembangunan semasa termasuklah isu globalisasi yang melibatkan persaingan antarabangsa dalam pelbagai bidang termasuk ekonomi dan perkhidmatan. Antara dasar-dasar tersebut ialah Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dalam Pentadbiran, Dasar Pandang ke Timur, Dasar Bersih, Cekap dan Amanah, Dasar Kepimpinan Melalui Teladan dan Dasar Persyarikatan (Syarifah Hayaati, Asmak & Mohd Izani, 2009). Selaras dengan ini, kerajaan telah memperkenalkan Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam dalam pentadbiran negara yang telah bermula pada tahun 1985 iaitu selama hampir dua dekad. Pada tahun 2003, kerajaan memperkenalkan pula pendekatan Islam Hadhari. Kedua-duanya dilihat menjadi garis panduan ke arah pembentukan akhlak yang terpuji dalam kehidupan setiap rakyat Malaysia yang berlandaskan etika kerja Islam bagi mencapai kecemerlangan dalam pentadbiran dan memaksimumkan lagi pengurusan konsep budaya kerja yang bersepadu berasaskan ilmu akhlak (Adlina, 2011). Sementara itu, kerajaan Malaysia juga telah menubuhkan Badan Pencegah Rasuah (BPR) yang mula beroperasi pada 1 Oktober 1967 dalam memelihara dan mengawasi sistem nilai masyarakat. Institusi yang dipertanggungjawabkan oleh kerajaan khusus untuk mencegah perbuatan rasuah dan penyalahgunaan kuasa diberi kuasa utama di bawah undang-undang iaitu Akta Pencegahan Rasuah 1997, Akta Pencegah Rasuah 1961 (Disemak 1971), Ordinan No. 22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Dharurat 1970, Akta Badan Pencegah Rasuah 1982, Kanun Keseksaan (F.M.S. Cap 45), Kanun Prosedur Jenayah (F.M.S. Cap 6), Akta Polis 1967 dan Akta Kastam 1967. Bagi memelihara sistem nilai masyarakat, kerajaan juga telah menubuhkan Lembaga Penapisan Filem (LPF) di bawah seksyen 3 Akta Filem (Penapisan) 1952 (disemak tahun 1971).

Berdasarkan penjelasan mengenai sejarah perkembangan pengurusan dan pentadbiran Islam di Malaysia ini, ia telah menunjukkan bahawa ilmu dan praktikal pengurusan dan pentadbiran Islam ini bukanlah sesuatu yang baru bagi masyarakat Malaysia cuma ia kurang dipopularkan.

## **FAKTOR-FAKTOR KELEMAHAN PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN ISLAM DI MALAYSIA**

Pengurusan dan pentadbiran Islam di Malaysia ini masih memiliki pelbagai kelemahannya. Antara faktor-faktor atau punca kelemahan pengurusan dan pentadbiran Islam di Malaysia itu adalah seperti berikut:

### **Penolakan Pentadbiran Politik Secara Islamik**

Kerajaan adalah nadi dan tiang negara, maka jika sesebuah kerajaan rosak maka rosaklah segala politik, ekonomi dan sosial negara tersebut. Ini menunjukkan bahawa faktor politik memainkan peranan penting dalam memajukan dan memundurkan sistem pengurusan dan pentadbiran Islam. Apabila dasar sesebuah negara telah condong ke arah sekularisme, maka setiap dasar dan polisi kerajaan

juga turut ikut mengamalkannya. Walaupun Malaysia mengamalkan demokrasi berparlimen yang tersendiri dan tidak mengamalkan sistem demokrasi sekular Barat, tetapi ia hanya membenarkan perkembangan Islam dalam pengertian dan konsep yang sempit. Kerajaan Malaysia dan para pemimpin dilihat masih gagal melaksanakan sepenuhnya nilai-nilai Islam dan ajaran agama dalam pengurusan dan pentadbiran di Malaysia kerana terlalu mengambil kira pelbagai faktor sehingga boleh mengikis agama dan nilai Islam itu sendiri daripada jiwa masyarakat. Maka yang menjadi mangsa dalam hal ini ialah sistem pengurusan dan pentadbiran Islam itu sendiri kerana segala polisi dan dasar politik yang tidak berteraskan Islam akan mempengaruhi secara langsung ke atas sistem pengurusan dan pentadbiran Islam dan membawa banyak masalah kepada perkembangan sistem tersebut lalu dipinggirkan daripada diamalkan oleh badan-badan kerajaan mahupun swasta. Kerajaan perlu lebih berani melaksanakan pengurusan dan pentadbiran Islam di Malaysia sepenuhnya kerana tiada keburukan atau kemungkaran yang ada padanya malah memiliki banyak kebaikan di dunia dan akhirat. Dari segi sejarahnya, memang sistem pentadbiran awam di Malaysia lebih banyak di pengaruhi oleh konsep pentadbiran yang berasaskan kepada sistem kolonial Inggeris. Jika sesebuah kerajaan Islam dan organisasi mengamalkan dasar dan politik sekular maka matlamat pengurusan dan pentadbiran Islam untuk mencapai *maqasid* akan terus menjadi perhiasan dalam arena politik negara-negara Islam. Ini kerana pengurusan dan pentadbiran Islam hanya dapat dijalankan melalui polisi kerajaan dan kerajaan akan menterjemahkan polisi tersebut dalam perlembagaan negara seterusnya dikuatkuasakan. Ini amat penting untuk proses pengislaman semula sistem pengurusan dan pentadbiran menurut ajaran Islam. Sehubungan itu, dalam hal ini para pemimpin dan pemerintah perlu memainkan peranannya semaksima yang boleh dalam membangunkan kembali pengurusan dan pentadbiran Islam di Malaysia dan tidak menggunakan Islam itu hanya pada nama atau slogan sahaja padahal ia sememangnya memberi sumbangan yang besar kepada kejayaan dan kemajuan ekonomi, masyarakat dan negara malah kebahagiaan di dunia dan akhirat kelak.

### **Isu Kepelbagaian Parti Politik di Malaysia**

Kepelbagaian parti politik di Malaysia adalah berpunca daripada amalan sistem demokrasi yang mana tidak dapat mengawal dan mengelakkan berlakunya perebutan kuasa antara sesama parti sama ada secara aman atau sebaliknya. Ia dilihat lebih memberikan impak yang negatif dengan melahirkan manusia yang gila pangkat atau tamakkan kuasa, penyalahgunaan kuasa, berlakunya politik wang atau rasuah, fitnah dan memfitnah, serta menggalakkan lagi perpecahan dan permusuhan yang memutuskan perpaduan dan silaturrahim (Ahmad Redzuan, 2001). Pada hari ini, perbalahan politik dalam kalangan pelbagai parti sampai ke tahap yang membahayakan. Ini berkemungkinan akan meruntuhkan sistem politik demokrasi Malaysia daripada yang bertapis kepada demokrasi yang terbuka di

mana akan meletakkan Islam dan umat Islam di bawah konsep sama rata dengan agama dan umat yang lain. Keinsafan menuntut umat Islam bersatu, bersepakat dalam mematangkan amalan demokrasi berasaskan nilai tempatan. Namun begitu, permusuhan politik telah dikuasai dendam yang hanya tahu meruntuh dan memecahbelahkan lagi masyarakat. Natiujahnya, keinginan umat Islam untuk membangunkan politik atas asas *siyasah shar'iyah* akan terus terkubur. Matlamat perjuangan setiap parti politik umat Islam di Malaysia yang tidak dipandu oleh garis panduan *siyasah shar'iyah* akan mengundang pelbagai masalah serta kepincangan.

### **Pengaruh Ideologi dan Sistem Barat dalam Ekonomi**

Kegagalan pendekatan sistem pengurusan dan pentadbiran Islam semasa untuk mendapat tempat adalah juga berpunca daripada pengaruh ideologi dan sistem Barat. Ia telah mengakibatkan penguasaan dari sistem pengurusan dan pentadbiran yang berteraskan sistem sekular dalam menerajui kehidupan manusia khususnya berkaitan dengan ekonomi. Selain itu, ia turut menghasilkan kepada kepincangan dan pertentangan fahaman dalam masyarakat atau agama dan menyebabkan berlakunya kemelut sistem ekonomi semasa yang tenat kerana kehilangan nilai-nilai suci Islam. Sifat mementingkan diri yang melahirkan ciri individu yang tamak dan rakus, penyelewengan dan rasuah, pengkhianatan dan perbalahan, serta berleluasanya riba dan menghalalkan yang haram. Kelemahan ini tidak ditonjol sebagai asas kepada kemelut ekonomi dunia dan penyelesaiannya kepada perkara pokok tidak berhasil kemelut ekonomi akan berterusan. Sistem sekular kapitalisme dan marxisme berpandangan bahawa fakta ekonomi adalah penentu kepada kebahagiaan hidup manusia. Kemajuan ekonomi sahaja adalah sebagai penyelesaian kepada kesemua permasalahan hidup. Bagi kapitalisme kejayaan hidup seseorang individu ialah melalui pengumpulan harta sebanyak yang mungkin. Mengikut Marxisme asas tamadun manusia di analisis berpandukan kepada penguasaan kuasa ekonomi. Selain itu, sistem ekonomi Barat itu juga didukung dan dipengaruhi pula dengan pelbagai fahaman seperti sekularisme, liberalisme, pluralisme, hedonisme dan sebagainya. Oleh itu, kebanyakan segala teori dan fakta ekonomi yang diperkenalkan oleh Barat, selalunya mudah mempengaruhi keseluruhan sistem kehidupan manusia dalam sesebuah masyarakat dan negara bahkan ia turut mengubah sifat dan sikap manusia itu sendiri. Berbeza dengan falsafah pengurusan dan pentadbiran Islam, segala urusan dan kerja, kuasa serta kekayaan adalah demi mengabadikan kepada Allah SWT bagi mendapatkan kebahagiaan di dunia dan akhirat.

### **Peningkatan Masalah Sosial dan Jenayah yang Berleluasa**

Setiap negara di dunia termasuk Malaysia mempunyai masalah sosial dan jenayah dalam masyarakat seperti zina, rogol, judi, minum arak, mencuri, membunuh, riba,

rasuah, khianat dan lain-lain perbuatan mungkar serta kemaksiatan. Masalah-masalah tersebut sememangnya bertentangan dengan syariat Islam dan juga masyarakat bukan Islam serta ia semakin menular di kalangan masyarakat. Semua masalah ini akan membantutkan usaha-usaha kerajaan dan masyarakat untuk membangunkan pengurusan dan pentadbiran Islam di Malaysia kerana masyarakat dan generasi muda telah rosak. Di Malaysia, walaupun digunakan dengan pelbagai cara dan hukuman seperti denda, penjara, sebat dan lain-lain lagi, tetapi masalah tersebut masih tidak berkurangan malah semakin bertambah dari hari ke hari. Sehubungan itu, Malaysia perlu mengorak langkah yang lebih progresif dan kembali kepada ajaran yang berpandukan al-Quran dan al-Sunnah dalam membendung masalah sosial dan jenayah yang membimbangkan. Perkara utama yang perlu diperhatikan pada masa sekarang ialah gejala sosial yang berlaku dikalangan remaja selaku bakal mewarisi pucuk pimpinan negara pada masa hadapan yang heboh dan menjadi viral di media massa mahupun di media cetak. Antara kemungkaran yang berlaku dalam kalangan remaja adalah seperti ponteng sekolah, vandalisme, gangsterisme, merempit, merokok, mencuri, buli, penyalahgunaan dadah, pergaulan bebas, pornografi, seks luar nikah, pelacuran, pembuangan bayi dan membunuh. Di samping itu, terdapat juga kemungkaran dalam aspek salah laku agama seperti tidak solat, tidak berpuasa, tidak beradab dan beakhlak sopan, tidak tahu membaca al-Quran dan sebagainya. Oleh itu, perbincangan mengenai keruntuhan ahklak remaja perlu dilaksanakan. Justeru, strategi untuk mengatasi masalah sosial ini perlu ditumpukan kepada golongan remaja dan pelbagai langkah yang perlu diambil oleh semua pihak bagi mengatasi masalah sosial ini kerana remaja mudah terpengaruh dan lebih cenderung ke arah kemaksiatan. Dalam hal yang demikian, ibu bapa perlu memainkan peranan penting dalam menerapkan nilai-nilai Islam dalam diri anak-anak mereka dan tidak boleh menyerahkan seratus peratus kepada guru-guru di sekolah. Oleh yang demikian, semua masyarakat terutama pemimpin perlu sedar dan insaf mengenai kemungkaran dan kemaksiatan yang telah berlaku di Malaysia ini serta mengambil langkah yang sewajarnya untuk membendung gejala ini daripada terus bermaharajalela. Undang-undang Islam di Malaysia perlu diperketatkan lagi dan dikaji semula, ilmu dan pendidikan agama perlu diperbanyakkan lagi di sekolah-sekolah, rumah, pengajian tinggi, masjid-masjid dan di media agar masyarakat dapat menyedari dan menjauhi segala perkara yang mungkar kembali kepada landasan syariat yang sebenar.

## **USAHA-USAHA DAN LANGKAH-LANGKAH BAGI MENGHIDUPKAN KEMBALI PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN ISLAM DI MALAYSIA**

Realitinya sememangnya terdapat pelbagai cabaran dalam melaksanakan dan membangunkan pengurusan dan pentadbiran Islam di Malaysia ini. Secara umumnya adalah seperti berikut:

## **Menangani Cabaran Globalisasi**

Walaupun pengaruh globalisasi juga ada kebaikannya daripada aspek positif, namun dari aspek negatifnya adalah lebih parah dan merosakkan. Pengaruh globalisasi kepada corak hidup masyarakat yang mana bertunjangkan kepada budaya, fahaman pemikiran, sistem ekonomi dan politik Barat merupakan cabaran yang perlu dihadapi bagi rakyat Malaysia amnya dan pengurusan dan pentadbiran Islam khasnya. Globalisasi merupakan cara penjajahan halus dan terselindung dalam mengikis nilai luhur sekaligus menerima nilai pemikiran barat. Melalui globalisasi, Barat membawa pengaruh dari segi ideologi atau fahaman dan budaya hedonism dengan meluas ke seluruh dunia termasuk Malaysia. Antara implikasinya dari sudut positif, ia membantu seluruh negara bergerak maju melalui pendedahan menggunakan teknologi yang tinggi serta pentadbiran yang sistematik. Namun, yang dikhuatiri ialah daripada sudut negatif, budaya kuning ini memberikan kesan dan nilai-nilai negatif yang merosakkan dan menghakis nilai-nilai moral dan akhlak Islam itu sendiri seperti terlibat dalam kancah jenayah, melakukan keganasan, pemakaian yang kurang sopan, pergaulan bebas yang melampaui batas, seks bebas, pornografi, muzik dan hiburan melampaui batas, pengaruh sains dan teknologi yang negatif bertujuan untuk merosakkan sesebuah agama, bangsa dan negara.

## **Mengatasi Persaingan Sistem Pengurusan dan Pentadbiran Konvensional**

Sistem pengurusan dan pentadbiran Islam sekarang jika hendak dibandingkan dengan sistem pengurusan konvensional seperti Barat dan Jepun amat jauh berbeza dari banyak aspek terutama dalam aspek teori dan amalannya. Sistem pengurusan dan pentadbiran konvensional bukan sahaja menjadi dasar dan amalan negara-negara maju bahkan menjadi tunjang kepada sistem pengurusan di negara-negara mundur dan membangun yang kebanyakannya terdiri daripada negara-negara Islam. Pengurusan dan pentadbiran Islam merupakan suatu sistem yang berasaskan tauhid iaitu satu falsafah yang lengkap berhubung dengan manusia dan kehidupannya yang diwahyukan oleh Allah SWT dan jika hendak dibandingkan dengan sistem-sistem pengurusan yang lain nyata sekali jauh lebih sempurna kerana ianya bersifat lengkap dan melengkap (*shumul*) yang mencakupi aspek jasmani dan rohani. Berbeza dengan sistem pengurusan dan pentadbiran konvensional yang lebih menekankan aspek material semata-mata dengan mengabaikan aspek agama, etika dan nilai, serta pembangunan insan. Masalahnya sekarang ialah sistem pengurusan dan pentadbiran Islam tidak diyakini dan tidak mendapat tempat untuk menjadi dasar dan amalan dalam sesebuah organisasi di dunia ini sama ada dalam kerajaan, pihak swasta, syarikat, persatuan dan sebagainya kerana didakwa tidak praktikal untuk dilaksanakan. Mungkin ada yang mengamalkan sistem pengurusan dan pentadbiran Islam ini tetapi hanya sedikit sahaja dan tidak menyeluruh. Padahal, ramai manusia yang tidak sedar sistem ini

sebenarnya telah pun dibangunkan sejak zaman Rasulullah SAW lagi dan mengalami beberapa reformasi yang bersesuaian dengan suasana, zaman dan tempat.

### **Pendekatan Tauhid dalam Semua Sistem Pengurusan dan Pentadbiran**

Tauhid dalam pengurusan dan pentadbiran Islam ialah penyempurnaan amanah yang diterima manusia dari Allah SWT sebagai hamba dan khalifahnyanya di dunia dengan mengerjakan amal salih secara syura iaitu perundingan dan kerjasama dalam organisasi. Tujuannya ialah untuk membina peradaban yang direcai Allah SWT berlandaskan ajaran tauhid dan bertanggungjawab menghapuskan *al-fasad* iaitu seperti korupsi, penyelewengan, kerosakan, kezaliman dan penindasan untuk menegakkan keadilan dalam organisasi dan masyarakat. Matlamat pengurusan dan pentadbiran ialah mencapai *al-falah* iaitu kesejahteraan, keuntungan dan kemenangan di dunia dan di akhirat (Mohd. Affandi, 1989). Penghayatan terhadap konsep tauhid ini dilihat dapat memberikan implikasi yang benar-benar signifikan terhadap pengurusan dan pentadbiran Islam. Dari sudut pengurusan, seseorang itu akan menjadi pekerja yang amanah, cekap dan berdisiplin serta tujuan akhirnya adalah untuk mendapat rahmat dan keredaan Allah SWT. Seseorang itu akan bersikap terbuka, tidak jumud dan sempit fikirannya. Konsep tauhid akan melahirkan insan yang mempunyai harga diri (*self-respect*), keyakinan diri (*self-esteem*), mempunyai rasa rendah diri (*modesty*) dan tawaduk. Orang yang beriman tidak mudah putus asa apabila berlakunya musibah ataupun kegagalan. Konsep tauhid membuatkan manusia patuh kepada peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT dan keingkarnya itu akan mengakibatkan kemurkaan Allah SWT dan mendapat balasan setimpal di dunia dan akhirat (Wan Liz Ozman, 1996). Pendekatan tauhid yang holistik merupakan pendekatan pengurusan organisasi dan manusia kerana meletakkan Tuhan sebagai paksi segala-galanya. Pendekatan konsep tauhid ini lebih menyeluruh kerana mengambil kira aspek sesama manusia dan hubungan antara manusia dengan tuhan penciptanya. Apabila konsep tauhid dalam worldview Islam adalah jelas dan diterap dalam kehidupan manusia, natijahnya adalah menjurus kepada penghayatan Islam yang jelas. Sebarang perubahan yang berlaku dalam sosioekonomi, politik, sosial dan sebagainya akan menjurus kepada penghayatan Islam. Walaupun pelaksanaan pendekatan tauhid agak sukar dilaksanakan dalam pengurusan dan pentadbiran di Malaysia, namun terdapat agensi-agensi yang telah menyahut seruan kerajaan dalam melaksanakan usaha-usaha penerapan nilai-nilai Islam dan tauhid dalam pengurusan dan ia sedikit sebanyak telah menghidupkan pengurusan dan pentadbiran berlandaskan Islam di Malaysia ini.

## **Pemantapan Ilmu Pengetahuan**

Menguasai ilmu dalam pengurusan dan pentadbiran Islam memainkan peranan yang amat penting untuk melaksanakan sesuatu tanggungjawab dan tugas dalam sesebuah pengurusan dan pentadbiran. Tanpa ilmu pengurusan dan pentadbiran Islam yang merangkumi persoalan ilmu duniawi dan juga ukhrawi, organisasi dan tugas seseorang akan huru-hara. Ini kerana Islam mahukan semua umatnya menguruskan kehidupan mereka melalui berilmu. Pengurusan dan pentadbiran Islam merupakan satu sistem yang berilmu, maka manusia sebagai khalifah Allah SWT itu perlulah berilmu dan berpengetahuan terhadap apa yang hendak dilaksanakan dan dikerjakan. Manusia yang tidak berilmu, tidak akan berupaya untuk melaksanakan tanggungjawabnya sebagai khalifah Allah SWT. Pemahaman dan penghayatan masyarakat Malaysia terhadap ilmu pengurusan dan pentadbiran Islam adalah sangat lemah dan kian malap dari hari ke hari. Rentetan itu, salah satu langkah terbaik untuk menarik masyarakat untuk kembali memahami, menghayati dan mengamalkan pengurusan dan pentadbiran secara Islamik ialah melalui penulisan, ceramah, syarahan, dakwah dan menjadi subjek wajib dalam sistem pendidikan. Tanpa adanya pengurusan dan pentadbiran Islam, manusia akan cenderung menuruti hawa nafsu dalam setiap pertimbangan dan keputusan serta segala tindakan menjadi sia-sia hinggalah matlamat di akhirat kelak tidak akan menjadi nyata. Dalam hal ini, usaha Islamisasi terhadap semua ilmu dan sistem pengurusan dan pentadbiran di Malaysia perlu dihidupkan dan kejayaannya adalah berdasarkan sejauh mana pemahaman masyarakat terhadap sistem pengurusan dan pentadbiran Islam tersebut. Kejahilan masyarakat terhadap ilmu pengurusan dan pentadbiran Islam hanya akan membantutkan usaha untuk menghidupkan kembali amalan pengurusan dan pentadbiran Islam di Malaysia.

## **Penerapan Nilai dan Etika dalam Pengurusan dan Pentadbiran**

Walaupun program penerapan nilai murni banyak dilaksanakan tetapi masih banyak terdapat kerja dan perkhidmatan yang tidak berkualiti dan tidak beretika. Integriti merupakan perkara yang paling penting dan amat dititik beratkan dalam organisasi, jabatan, pekerja dan para ahli serta ia akan mencemar nama baik organisasi, badan, masyarakat dan negara. Pembinaan jati diri Muslim itu sendiri bagi melahirkan individu yang beriman dan bertaqwa sebagai modal insan berdaya saing yang mampu menggerakkan pembangunan masyarakat, organisasi dan negara serta mampu mengurusnya seiring dengan perkembangan semasa. Penekanan terhadap penghayatan dan pengamalan nilai murni, moral dan akhlak Islamiyyah melalui pembinaan sahsiah yang bercirikan positif mestilah sentiasa disuburkan dan hendaklah digalas dengan penuh iltizam dan *istiqamah* terutamanya oleh pihak kepimpinan organisasi. Nilai dan etika dalam menunaikan tanggungjawab dan kerja dalam Islam bermaksud bekerja dengan penuh keazaman dan menganggap kerja itu adalah sebahagian daripada pengabdian diri kepada

Allah SWT. Antara syarat menjadikan sesuatu pekerjaan sebagai ibadah ialah niat kerana Allah SWT, menunaikan tanggungjawab asas, kerja yang selaras dengan syarak dan menginsafi bahawa setiap tugas adalah amanah yang akan dipersoalkan kelak. Antara nilai dan etika dalam kerja ialah nilai peribadi asas seperti amanah, ikhlas, bertanggungjawab dan berdisiplin. Nilai kepimpinan seperti adil, tegas, berani dan bijaksana. Nilai profesionalisme seperti berilmu, kreativiti, inovasi, integriti, neutraliti dan akauntabiliti. Nilai kebersamaan seperti kerjasama, tolong-menolong, semangat berpasukan dan bersatu hati. Kepentingan nilai dan etika ini ialah agar memupuk nilai integriti dan sikap positif antara anggota organisasi, membentuk budaya positif dalam kerja dan menggalakkan persaingan yang sihat, mengawal penyelewengan dan khianat dalam kerja dan menyumbang ke arah kemantapan sesebuah organisasi dan meningkatkan produktiviti yang lebih berkualiti (Norain et al., 2012; Rasid et al., 2008).

## **KESIMPULAN**

Oleh yang demikian, apa yang boleh disimpulkan ialah perkembangan pengurusan dan pentadbiran Islam di Malaysia hingga ke hari ini dilihat perlu lagi dipertingkatkan dan dimajukan kerana ia masih memerlukan pengaplikasian yang menyeluruh dan tidak pada nama sahaja. Tanpa pelaksanaan pengurusan dan pentadbiran mengikut ajaran Islam, masyarakat Islam di Malaysia tidak mampu untuk mencapai falsafah, objektif dan matlamat pengurusan dan pentadbiran iaitu mencapai *al-falah* dan *mardat Allah SWT* dengan jayanya di dunia dan akhirat.

## **RUJUKAN**

- Adlina Ab. Halim. (2011). Pendekatan Islam Hadhari dan Persepsi Belia: Satu Dapatan Kajian. *Jurnal Hadhari* 3 (1): 21-40. UKM Bangi: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Institut Islam Hadhari UKM.
- Ahmad Ibrahim Abu Sin. (1991). *Pengurusan Dalam Islam*. Terj. Abd Rashid Ngah & Jusoh Kadir. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azrin Ibrahim. (2014). *Amalan Hisbah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- al-Buraey, Muhammad. (1986). *Islam Landasan Alternatif Admanistras. Pembangunan*. Terj. Achmad Nashir Budiman. Jakarta: CV. Rajawali.
- al-Habshi, Syed Othman. (1989). *Islam, Ekonomi dan Pengurusan*. Petaling Jaya: Penerbitan Hizbi.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2012). *Kejayaan Institusi-Institusi di Bawah Menteri Jabatan Perdana Menteri*. Wilayah Persekutuan, Putrajaya: JAKIM.
- Malaysia Kita. (2014). Selangor: International Law Book Services (ILBS).
- Muhammad Abd. Rauf. (1991). *Ummah The Muslim Nation*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Perlembagaan dan Undang-Undang Am. (2014). Selangor: International Law Book Services (ILBS).
- Mohd. Affandi Hassan. (1989). *Pendekatan Tawhid dalam Pengurusan dan Pentadbiran Awam: Konsep, Prinsip dan Model Alternatif*. Kuala Lumpur, Bukit Kiara, INTAN: Biro Penyelidikan dan Perancangan (BIRO).
- Norain Ishak, Noormala Rabu, Mohd Fauzi, Kalthom Mohd. Khalid, Mohd. Faizal P. Rameli & Husnul Rita. (2012). *Teras dan Amalan Pengurusan Islam*. UiTM Melaka: Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU).
- Rasid Muhamad, Mohd Yadman Sarwan & Salahudin Suyurno, S. (2008). *Pengurusan Islam Teori dan Praktis*. UiTM, Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).

Shafie Mohd. Salleh & Mohd. Affandi Hassan. (1991). *Kecemerlangan Pentadbiran: Dasar dan Amalan dalam Islam*. Kuala Lumpur: Insititut Tadbiran Awam Negara.

Syarifah Hayaati Syed Ismail al-Qudsy, Asmak Ab. Rahman & Mohd Izani Mohd Zain. (2009). Penguahan Nilai dan Profesionalisme di Kalangan Penjawat Awam ke Arah Efektif Governan Di Malaysia. *Jurnal Syariah*. 17 (3): 559-592. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Wan Liz Wan Omar. (1996). *Pengurusan Islam Abad Ke-21*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Wan Nik Wan Yusof & Asma' Husna Sulaiman. (2006). *Islam dalam Politik Malaysia: Satu Kritikan terhadap Islam Hadhari*. Kota Bharu: Centre for Political Analysis and Strategic Development.